

# INKUES KEMATIAN ADIB

LAPORAN: TUAN BUQHAIIRAH TUAN MUHAMMAD ADNAN, NOOR AZLIDA ALLMIN, ROSALWANI CHE SOH, AZIE YAHAYA, NURUL HIDAYAH HAMID, KHAIRIL ANWAR MOHD AMIN, MUHAMMAD AFHAM RAMLI dan SHAHRIZAL AHMAD ZAINI

## Kematian disebabkan jenayah

**Mahkamah Koroner memutuskan kecederaan Adib disebabkan tindakan sekumpulan individu**

SHAH ALAM

Kematian anggota Bomba dan Penyelamat Malaysia (JPBM) Balai Subang Jaya, Muhammad Adib Mohd Kasim adalah akibat daripada tindakan jenayah sekumpulan individu yang tidak dikenali dalam rusuhan Kuil Sri Maha Mariamman pada 27 November tahun lalu.

Koroner, Rofiah Mohamad membuat keputusannya berkata, kecederaan trauma tumpul pada dada kanan arwah adalah disebabkan Muhammad Adib ditarik keluar dari van unit bantuan perkhidmatan kecemasan (EMRS).

"Saya merumuskan bahawa kecederaan yang dialami Muhammad Adib adalah bukan perbuatan diri," katanya.

Menurutnya, teori SI (saksi inkues) ke 29 iaitu Professor Dr Shahrom Abd Wahid bahawa Muhammad Adib ditarik keluar dari EMRS dan dihentak ke pintu sebelum diseret ke jalan adalah munasabah berbanding teori SI 24 iaitu Pakar Patologi Forensik Hospital Kuala Lumpur, Dr Hafizam Hasmi.

"Penyerang juga telah mengangkat arwah yang dalam posisi 45 darjah itu dan menghentaknya pada hujung daun pintu EMRS sehingga menyebabkan kepatahan pada korteks hujung tulang rusuk kiri yang berbentuk lurus," katanya.

Beliau berkata, pada masa sama, arwah sekali lagi ditarik dan pintu tersebut diterajang sehingga hentaman itu terkena pada bawah lengan kanan Muhammad Adib.

"Sentuhan berimpak tinggi dalam ke-



Muhammad Adib menghembuskan nafas terakhir pada 17 Disember tahun lalu di IJN, Kuala Lumpur.

adaan arwah ditarik telah menghasilkan corak berbentuk seretan pada badannya yang bersentuhan dengan daun pintu," katanya.

Teori ditarik keluar adalah konsisten dengan keterangan SI 3 (Ahmad Shahril Othman) iaitu pemandu van EMRS dan SI 6 (Mohd Hazim Mohd Rahimi) iaitu anggota pemadaman yang turun dari Fire Rescue Tender (FRT) sebaik tiba di lokasi yang mendengar ketukan kuat dan bertalu-talu di sekeliling Unit Bantuan Perkhidmatan Kecemasan (EMRS).

"Mereka merasakan badan van digoncang ke kiri dan kanan. Menurut mereka situasi amat runcing dan gamat sehingga merasakan nyawa terancam," katanya.

Menurutnya, ketukan dan goncangan pada badan van EMRS jelas menunjukkan pada ketika itu terdapat sekumpulan indi-



MUHAMMAD ADIB

vidu yang bertindak ganas dan berniat jahat di sekelilingnya.

"Memadai untuk saya menyatakan bahawa mahkamah memutuskan untuk menolak teori SI 24 dan sebaliknya menerima SI 29," katanya.

### Adib dipukul

Beliau berkata, mahkamah juga membuat dapatan bahawa, sewaktu berada di dalam van EMRS, Muhammad Adib telah dipukul oleh orang dari kaum India yang tidak dikenali.

Dapatan tersebut dengan mengambil kira bahawa rusuhan tercetus akibat kemarahan kaum India terhadap pencero-bohan kuil yang dilakukan sekumpulan lelaki Melayu beberapa hari sebelum itu.

"SI 8, S Suresh dalam keterangannya memberitahu mahkamah bahawa telah melihat aksi-aksi dan gerakan seperti memukul, menendang dan memijak seseorang oleh sekumpulan 20-30 lelaki yang mengerumuni sesuatu yang menjadi subjek kelakuan itu.

"Ketika mendekati, Suresh telah ditolak sehingga jatuh ke arah arwah dalam posisi depan badannya melindungi sebahagian badan Muhammad Adib," katanya.

Menurutnya, tatkala itu satu sepanak telah hinggap pada bahu kanannya.

Suresh juga memberitahu dia terdengar perkataan 'jangan pukul' dan 'bomba pun nak pukul ke?' yang dituturkan dalam bahasa Tamil.

"Ini memberi petunjuk bahawa orang yang melarang memukul adalah orang yang bertutur berturut dalam bahasa Tamil.

"Perkataan 'bomba pun nak pukul ke?'

pada hemah saya menunjukkan perbuatan memukul telah berlaku," katanya.

Beliau berkata, ketiadaan kesan lebam ataupun kecederaan yang konsisten dengan kecederaan dipukul semasa melakukan bedah siasat tidak boleh dijadikan sebagai faktor penentu yang konklusif untuk mengatakan insiden pukulan itu tidak berlaku.

"Ini kerana selain bercanggah dengan keterangan saksi-saksi yang berada di tempat kejadian, persoalan mengenai kesan lebam bergantung kepada banyak faktor seperti impak, anggota banda yang terlibat, jarak masa ia diperiksa selepas kejadian, warna kulit, akses kepada bahagian badan pesakit dan aspek tumpuan ketika pemeriksaan dijalankan," katanya.

Rofiah berkata, ia terbukti daripada keterangan SI 12, Dr M Nanthan, iaitu Pakar Sergeon Pusat Perubatan Subang Jaya (SJMC) yang memberi fokus terhadap kecederaan yang mengancam nyawa Muhammad Adib.

"SI 12 adalah doktor paling awal yang melihat dan memeriksa arwah telah terlepas daripada memerhati, memeriksa dan merekod beberapa kecederaan kecil pada badan Muhammad Adib kerana memfokuskan kepada punca kecederaan," katanya.

Menurutnya, kumpulan perusuh di luar EMRS bukanlah mendatangkan kecederaan maut kepada arwah.

"Ini kerana sebagai lelaki muda berbadan tegap dan anggota bomba terlatih, adalah amat mustahil arwah tidak melawan atau mempertahankan diri. Tiada langsung kecederaan pada badan arwah yang menunjukkan cedera mempertahankan diri," katanya.

Ketiadaan kecederaan mempertahankan diri menunjukkan arwah berada dalam keadaan tidak sedarkan diri atau tidak berupaya untuk mempertahankan dirinya.

### Polis, FRU tidak berbuat apa-apa

Dalam keputusannya, Rofiah turut berkata, kegagalan polis dan Unit Simpanan Persekutuan (FRU) mengawal serta menyuraikan rusuhan turut menyumbang terhadap kematian Muhammad Adib.

Menurutnya, adalah amat malang polis dan dua kumpulan FRU yang mempunyai kekuatan ratusan anggota tidak berbuat apa-apa terhadap perusuh yang menyerang jentera FRT dan van EMRS.

"Mereka (FRU) hanya bersiap siaga dengan senjata masing-masing di dalam kenderaan biarpun situasi pada ketika itu meruncing," katanya.

Beliau berkata, sekiranya tindakan awal telah diambil, insiden ini tidak akan berlaku.

SABTU • 28 SEPTEMBER 2019 • 27 MUHARAM 1441						
Rapatkan Saf, Teluskan Niat, Tulus Beribadah						
JOM SOLAT	SUBUH	SYURUK	ZUHUR	ASAR	MAGHRIB	ISYAK
PERLIS	5:51	7:07	1:12	4:24	7:14	8:23
ALOR SETAR	5:51	7:05	1:11	4:23	7:13	8:22
PULAU PINANG	5:51	7:05	1:12	4:22	7:13	8:22
IPOH	5:49	7:02	1:10	4:19	7:11	8:20
KOTA BHARU	5:48	7:00	1:04	4:16	7:06	8:11
KUALA TERENGGANU	5:40	6:56	1:01	4:11	7:02	8:11
KUANTAN	5:41	6:56	1:01	4:09	7:03	8:12
KUALA LUMPUR - PUTRAJAYA	5:46	7:00	1:07	4:15	7:09	8:17
SHAH ALAM	5:46	7:00	1:07	4:15	7:09	8:17
SEREMBAN	5:44	7:00	1:05	4:12	7:07	8:16
BANDAR MELAKA	5:44	6:59	1:04	4:11	7:06	8:15
JOHOR BAHRU	5:37	6:53	12:58	4:04	7:00	8:09

• PENERUSI, PENGARAH URUSAN DAN PENERBIT; DATO' (DR) HUSSAMUDDIN HI YACUB • KETUA PEGAWAI EKSEKUTIF KUMPULAN; MOHAMED IZAM MOHAMED YUSOF  
 • KETUA PEGAWAI OPERASI GROUP SINAR KARANGKRAF; FARAH HUSSAMUDDIN • KETUA PENGARANG KUMPULAN; DATUK BAHAROM MAHUSIN • PENASIHAT EKSEKUTIF EDITORIAL; DATUK ABD JALIL ALI  
 • PENGURUS BESAR PENERBITAN; HARLIKA KASSIM • PENGARANG EKSEKUTIF (CETAK); AZMI TARMIZI • PENGARANG EKSEKUTIF (DIGITAL); RUYI ADILA IDRIS  
 • TIMBALAN PENGARANG BERITA; ONG BOON TEOK, BADRULDIH ZAKARIA, ZAMRI RAMLI • PENGARAH KREATIF KAHAN; NORAZLAN ISMAIL

• Diterbitkan oleh Sinar Karangkraf Sdn Bhd, No.3, Jln Renggam 15/5, Seksyen 15, 40200 Shah Alam, Selangor Darul Ehsan. Tel: 03-51013888 Faks: 03-51013601 • Dicitak oleh Ultimate Print Sdn Bhd., Lot 2, Jln Sepena 15/3, Off Perlaran Selangor, Seksyen 15, 40200 Shah Alam, Selangor Darul Ehsan. Tel: 03-51017388 Faks: 03-51017333 • Tel: 03-51017480 (Unit Langgan Karangkraf Mall) • E-mel: editor@sinarharian.com.my